

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci :-

- (a) jumlah yang kehilangan pekerjaan sewaktu pandemik di dalam sektor formal dan tidak formal; dan
- (b) pecahan maklumat mengikut latar belakang negeri, umur, jantina, bidang pekerjaan, jumlah isi rumah dan status perkahwinan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi tempoh Mac 2020 sehingga 30 September 2021 adalah seramai 147,166 orang. Maklumat pekerja kehilangan pekerjaan di sektor tidak formal di luar liputan caruman dan tidak tersedia di PERKESO.

Pecahan statistik kehilangan pekerjaan mengikut jantina, tahap pendidikan, umur, negeri dan pekerjaan adalah seperti di bawah:

Jadual 1 : Statistik Kehilangan Pekerjaan Mengikut Jantina, Mac 2020 – 30 September 2021

Jantina	Jumlah
Wanita	63,646
Lelaki	83,520
Jumlah	147,166

Jadual 2 : Statistik Kehilangan Pekerjaan Mengikut Tahap Pendidikan, Mac 2020 – 30 September 2021

Tahap Pendidikan	Jumlah
Ijazah Sarjana Muda	35,025
Diploma	27,109
Doctoral (PhD)	242
Master's	3,961
PMR/ PT3	9,969
Pendidikan Sekolah Rendah	4,596
SPM	56,640
STPM (A-Level)	4,307
Tiada Maklumat	5,317
Jumlah	147,166

Jadual 3 : Statistik Kehilangan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Umur, Mac 2020 – 30 September 2021

Kumpulan Umur	Jumlah
15 - 19	998
20 - 24	14,448
25 - 29	28,375
30 - 34	25,416
35 - 39	20,767
40 - 44	18,410
45 - 49	16,260
50 - 54	13,643
55 - 59	8,841
60 - 64	4
Tiada Maklumat	4
Jumlah	147,166

Jadual 4 : Statistik Kehilangan Pekerjaan Mengikut Negeri, Mac 2020 – 30 September 2021

Negeri	Jumlah
Johor	12,272
Kedah	6,649
Kelantan	697
Melaka	2,668
Negeri Sembilan	1,889
Pahang	2,859
Perak	5,431
Perlis	476
Pulau Pinang	12,631
Sabah	6,086
Sarawak	4,309
Selangor	49,587
Terengganu	1,547
WP Kuala Lumpur	39,426

Negeri	Jumlah
WP Labuan	382
WP Putrajaya	242
Tiada Maklumat	15
Jumlah	147,166

Jadual 5 : Statistik Kehilangan Pekerjaan Mengikut Pekerjaan, Mac 2020 – 30 September 2021

Pekerjaan	Jumlah
Pengurus	8,892
Profesional	44,809
Juruteknik dan profesional bersekutu	39,240
Pekerja sokongan perkeranian	26,370
Pekerja perkhidmatan dan jualan	16,976
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan	37
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	910
Operator mesin dan loji, dan pemasang	5,174
Pekerja Asas	3,246
Tiada Maklumat	1,512
Jumlah	147,166

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan.**

- a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah sewa rumah tertunggak di kalangan rakyat yang hilang punca pendapatan kerana pandemik COVID-19; dan
- b) adakah Kerajaan bercadang melaksanakan dasar antipengusiran sementara (*temporary eviction moratorium*) untuk mengawal masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-Undang Sementara Atau Akta Yang Memberi Moratorium Terhadap Pengusiran Penyewa

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, KPKT mengambil maklum hasrat Yang Berhormat untuk melihat kemungkinan **sama ada di negara kita boleh melaksanakan moratorium terhadap pengusiran penyewa dari kediaman sewaan masing-masing**. Saya turut berkongsi keprihatinan Yang Berhormat ke atas perkara ini, lebih-lebih lagi ketika rakyat sedang menghadapi situasi ekonomi yang mencabar di era pandemik COVID-19 ini.

KPKT telah pun meneliti perkara ini dan **semakan perundangan mendapati bahawa hubungan antara tuan tanah dan penyewa adalah dikawal selia oleh perjanjian sewa antara pihak-pihak terlibat**. Ketika ini, penyediaan perjanjian penyewaan kediaman menggunakan **tatacara Akta Kontrak 1950** dan perjanjian itu **bersifat umum yang tidak komprehensif** serta **tidak mencakupi klausa berkaitan anti pengusiran**.

Peruntukan undang-undang sedia ada menyatakan bahawa **pemilik hartanah tidak boleh menghalau penyewa dengan sewenang-wenangnya**. **Seksyen 7(2) Akta Relief Spesifik 1950** memperuntukkan pemilik premis sewa perlu menggunakan prosiding mahkamah untuk mengusir penyewa.

Untuk kes **Rasha Utara Enterprise & Makami Enterprise v. Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP)[2017]**, di mana MPSP sebagai tuan tanah telah bertindak masuk ke premis sewa dan menyita segala barang-barang milik penyewa tanpa perintah Mahkamah. **Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa MPSP perlu membayar sebanyak RM45,000 kepada penyewa-penyewa atas tindakan yang membelakangkan undang-undang tersebut**.

Semakan kepada Akta-Akta lain yang berkaitan seperti Kanun Tanah Negara [Akta 828], Specific Relief Act 1950, Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 [Akta 572] dan sebagainya, juga **mendapati tiada sebarang undang-undang yang memperuntukkan dikenakan dengan larangan pengusiran penyewa** sehingga mempunyai jaminan tempat tinggal baru atau yang berkaitan dengan antipengusiran sementara penyewa rumah.

Pada masa ini, KPKT sedang **menggubal Akta Sewaan Kediaman (Residential Tenancy Act; RTA)** yang bertujuan untuk **lebih melindungi kepentingan penyewa dan pemilik**, serta akan turut mengkaji **kesesuaian cadangan dasar antipengusiran sementara dalam akta ini**. Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi pertama tahun 2022.

Akta baharu ini digubal berdasarkan model Residential Tenancies Act 2010 (New South Wales) Australia kerana akta ini dilihat mampu melindungi kepentingan pemilik kediaman dan penyewa. Pada masa yang sama undang-undang berkaitan dari negara **Jerman, United Kingdom, dan Australia serta Rental Housing Act dari Afrika Selatan** juga turut **dibuat perbandingan**. Walau bagaimanapun, sebarang cadangan pewujudan anti pengusiran perlu **diteliti secara komprehensif dari pelbagai aspek** sebelum ianya boleh dilaksanakan kerana ianya boleh menindas hak pelbagai pihak terutamanya pihak tuan tanah.

Pada masa yang sama, KPKT baharu sahaja menyediakan **inisiatif berupa perumahan sementara iaitu INISIATIF KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA (RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA)**. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan perlindungan melalui penyediaan kediaman yang berdaya huni, selesa dan selamat kepada rakyat yang kehilangan tempat tinggal akibat COVID-19; serta menyediakan kemudahan insentif melalui sewaan serendah RM124 untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat.

NO. SOALAN:68

Pada peringkat permulaan, sebanyak **1,000 unit rumah sedia** ada ditawarkan untuk **Rumah IKRAM Keluarga Malaysia di 8 lokasi PPR** di seluruh negara. Pemilihan dan pengisian akan dilaksanakan segera sebaik sahaja proses saringan permohonan selesai dilaksanakan.

Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan dalam membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk membayar sewa rumah, khususnya penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ialah melalui **inisiatif pengecualian pembayaran sewa selama tujuh bulan (Mac-September 2020)** bagi **3,636 unit** iaitu di **PPR Lembah Subang 1 (3,004 unit rumah)** dan **Rumah Transit Bukit Jalil (632 unit rumah)**;

Bagi penangguhan pembayaran sewa / moratorium selama 21 bulan (Mac 2020 – Disember 2021) bagi **PPR Sewa Untuk Dimiliki (RTO)** di bawah **pengurusan KPKT yang melibatkan 10 projek PPR (4,650 unit)**. Bagi **Perumahan Awam dan PPR lain yang di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Negeri (PBN)** pula, **pengecualian dan penangguhan bayaran sewa dan bayaran bulanan adalah tertakluk kepada budi bicara agensi negeri berkenaan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 7.10.2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan dengan terperinci cadangan Kementerian untuk membina semula infrastruktur terutamanya jambatan gantung atau jambatan kampung di daerah Tenom, khususnya kampung-kampung yang terlibat dengan banjir besar pada bulan Mei, 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa prihatin dengan keperluan infrastruktur asas di luar bandar seperti jambatan/ jambatan gantung/ jambatan kampung yang menjadi jalan perhubungan utama oleh penduduk setempat terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pihak Kementerian akan mengenal pasti kesesuaian pelaksanaan melalui siasatan tapak terlebih dahulu bagi menentukan skop dan kos tertakluk kepada kelulusan peruntukan tahunan oleh agensi pusat.